



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**11 OKTOBER 2017 (RABU)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Berita Harian**

- |   |    |
|---|----|
| - Warga asing 'jajah' Flet Pandan Mewah | 12 |
|---|----|

**KOSMO**

- |                                     |    |
|-------------------------------------|----|
| - Selangor paling tinggi kes denggi | 13 |
|-------------------------------------|----|

**Harian Metro**

- |                                 |    |
|---------------------------------|----|
| - 39,158 kes denggi di Selangor | 76 |
|---------------------------------|----|

**The Star**

- |                                |              |
|--------------------------------|--------------|
| - Alarming buzz                |              |
| - Distributing rise in numbers | Central & 03 |

**Utusan Malaysia**

- |   |    |
|---|----|
| - Pusat Konvensyen: Penduduk lapor SPRM | 09 |
|---|----|



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**11 OKTOBER 2017 (RABU)**

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Warga asing 'jajah' Flet Pandan Mewah
Muka Surat	12

Ms.12

Rabu, 11 Oktober 2017 BH

## → HALAMAN KOTA

**ADUAN PEMBACA**  
Pembaca yang ingin mengemukakan pandangan atau masalah boleh e-mel ke [bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

**Reaksi**

**Ismigresen perlu mengambil tindakan segera kerana kita khatir ada warga asing yang tiada permit kerja dan menggunakan kad UNCHR palsu**

**Teknadar Abdul Samad,**  
EXCO Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar Selangor

**Mohd Rosli Ismail,**  
Penduduk

**Mereka (warga asing) ada kalanya membuang sampah dari tingkat... malas nak turun, terus lempar dari tingkap rumah**

**Shaharuddin Ismail,**  
Pengerusi Penduduk Taman Pandan Mewah

**Bilangan penghuni warga asing semakin ramai dan dengan populasi yang semakin ramai, mereka mampu membuka perniagaan di kawasan ini**

**FOTO ASWADI ALIAS/BH]**

**Lebih 1,000 warga asing diperkatakan menetap di kawasan perumahan Flet Pandan Mewah, Ampang.**

**Antara warga asing yang berniaga di kaki lima di sekitar Flet Pandan Mewah, Ampang**

**Warga asing 'jajah' Flet Pandan Mewah**

● Sikap pengotor pendatang undang penyakit, ancam penduduk tempatan

Oleh Mohd Fharkhan  
Abdul Ghapor  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

► Ampang

**E**bih 1,000 warga asing mendiami Flet Taman Pandan Mewah di sini, sekali gus mencetuskan kebimbangan dalam kalangan penduduk tempatan.

Kebanjiran warga Myanmar, Vietnam, Pakistan, Bangladesh serta pelarian Rohingya sejak beberapa tahun lalu, meningkatkan risiko keselamatan dan kesihatan kepada penghuni di kawasan berkenaan.

Apakah yang meresahkan penghuni di kawasan berkenaan ialah sikap warga asing tidak menjaga kebersihan yang menyebabkan kawasan perumahan menjadi kotor dan dipenuhi barang buangan terpakai.

Penduduk mendakwa tempat letak kenderaan di taman perumahan berkenaan dijadikan kawasan menyimpan dan melenggok barang terpakai yang dikutip warga asing untuk dijual kepada pembeli besar buruk.

Mereka mendakwa warga asing menghuni rumah di situ secara berkongsi beberapa keluarga. Ma-

lah, setiap malam minggu ada sekumpulan warga asing mabuk hingga beraku pergiaduhan antara mereka yang mengundang risiko keselamatan kepada masyarakat setempat.

**Pengotor ludah merata**

Sikap pengotor warga asing seperti melaka di sekitar tempat turut membuat penduduk tempatan senang melebihi 1,000 orang.

Tinjauan Holaman Kota mendapati kawasan perumahan berkenaan seperti sebuah perkampungan yang padat dengan penduduk warga asing.

Lebih mengejutkan kira-kira 15 premis perniagaan yang beroperasi di situ, diusahakan pendatang asing berkenaan.

Malah, beberapa warga asing yang berniaga dan bekerja di situ tidak dokumen pengenal diri atau pasport, sebaliknya hanya memiliki kad Suruhanjaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Untuk Pelarian (UNCHR).

Pengerusi Penduduk Taman Pandan Mewah, Shaharuddin Ismail, berkata bilangan warga asing di situ semakin meningkat dan kini melebihi 1,000 orang.

"Sejak tujuh tahun lalu, bilangan pengotor warga asing semakin ramai dan dengan populasi yang semakin ramai, mereka mampu membuka perniagaan di kawasan ini," katanya.

**Gesa pantau keadaan**

Shaharuddin berkata, warga asing yang tinggal di perumahan kos rendah itu seolah-olah sudah menjadi rakyat tempatan kerana mampu mengusahakan gerai makanan, gerai terpakai dan bekerja di premis perniagaan.

Sementara itu, EXCO Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar Selangor, Datuk Iskandar Abdul Samad, yang meninjau keadaan perumahan berkenaan, menggesa Jabatan Imigresen melakukan pemeriksaan terhadap warga asing di sekitar kawasan berkenaan.

"Populasi warga asing di kawasan ini semakin hari naik dan mampu menjalankan aktiviti perniagaan. Imigresen perlu memambil tindakan segera, kerana kita khatir ada warga asing yang tiada permit kerja dan menggunakan kad UNCHR palsu."

"Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) juga perlu memeriksa premis perniagaan di sini. Semak semula lesen perniagaan pemilik kedai dan cari mereka yang mengajukan warga asing secara haram," katanya.



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**11 OKTOBER 2017 (RABU)**

Akhbar	KOSMO
Tajuk Berita	Selangor paling tinggi kes denggi
Muka Surat	13

KOSMO! RABU 11 OKTOBER 2017  
KOSMO! RABU 11 OKTOBER 2017

**Longgokan sampah, pembangunan pesat antara punca pemberian nyamuk Aedes**

# **Selangor paling tinggi kes denggi**

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

**S**AH ALAM — Selangor menjadi negeri paling tinggi merekodkan kes demam denggi iaitu sebanyak 39,158 kes membatikan 59 kematian yang dilaporkan dalam tempoh Januari lalu sehingga semalam.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Hilm Yahaya (gambar kecil) berkata, Selangor mencatatkan rekod tertinggi wabak denggi berbanding negeri lain di negara ini disebabkan faktor longgokan sampah akibat kutipan sisa buangan yang tidak terurus.

Selain itu, katanya, negeri tersebut juga merupakan kawasan bandar dan terdapat banyak tapak projek pembangunan.

"Jadi, ini antara puncanya mengapa negeri ini merekodkan jumlah tertinggi dalam kes denggi. Semua pihak termasuk pihak berkuasa tempatan (PBT) dan pemilik kediaman perlulah menghapuskan tempat pembiakan nyamuk Aedes serta tidak memberarkan air bertakung," katanya pada sidang akbar selepas merasmikan seminari kali keempat Hospital Kuala Lumpur (HKL) Burni di Pusat Konvensyen Ideal (IDCC) di sini semalam.

Hadir sama Ketua Jabatan Pembedahan Plastik dan Rekonstruktif HKL, Dr. Normala Basiron.

Hilm Yahaya berkata demikian bagi mengulas mengenai laporan kes denggi yang dikeluarkan Kementerian Kesihatan semalam dengan sejumlah 71,892 kes dicatatkan di seluruh negara dan Selangor adalah negeri yang mempunyai kes tertinggi.

Wilayah Persekutuan pula merupakan negeri kedua yang mempunyai kes demam denggi tertinggi iaitu 6,785 kes, diikuti Johor (6,511) dan Perak (4,896).

Hilm Yahaya berkata, jumlah kes demam denggi di Selangor tidak berada pada tahap membimbangkan dan kes tersebut masih menunjukkan trend penurunan sepanjang tempoh sembilan bulan pertama tahun ini.

**LONGGOKAN** sampah berikut kutipan sisa buangan yang tidak terurus antara punca pembiakan nyamuk Aedes. - Gambar hiasan





**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR  
11 OKTOBER 2017 (RABU)**

Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	39,158 kes denggi di Selangor
Muka Surat	76

**Shah Alam**

**39,158 kes denggi di Selangor**

Selangor merekodkan jumlah kes denggi tertinggi di seluruh negara dengan 39,158 kes dilaporkan dari Januari hingga semalam.

Ia bagaimanapun menunjukkan penurunan sepanjang tempoh sembilan bulan pertama tahun ini berbanding tahun lalu.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya berkata,

pelbagai faktor menjadikan Selangor penyumbang tertinggi.

“Negeri ini sememangnya banyak melaksanakan projek pembangunan dan tapaknya menjadi sarang pembiakan aedes,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Seminar Luka Kebakaran Hospital Kuala Lumpur (HKL), di sini, semalam.

11-10-2017



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR  
11 OKTOBER 2017 (RABU)

Akhbar	The Star
Tajuk Berita	Alarming buzz Distrupting rise in numbers
Muka Surat	Central & 03

**Star**  
**Metro CENTRAL**

(03) 7967 1388 ext 1706/1323/1496 (Editorial) metro@thestar.com.my (03) 7966 8388 (Advertising) (03) 7967 2020 (Classified) thestar.com.my/metro facebook.com/starmetro twitter.com/thestarmetro



## Alarming buzz


Authorities are blaming the spike in dengue cases in Selangor on the current hot and rainy weather as over 39,000 people contracted the disease since January. >3

---

**12 - 15 OCTOBER 2017**  
**MATRADE Exhibition & Convention Centre (MECC) Kuala Lumpur**  
Jalan Sultan Haji Ahmad Shah,  
50480 Kuala Lumpur, Malaysia  
Free Admission. Open to Public.


Xia Hang, *The Conqueror*, Stainless Steel, 100 x 180 x 80 cm, 2017

A PRESTIGIOUS ART FAIR IN SOUTHEAST ASIA  
70 Art Galleries / Groups From 25 Countries



**art expo plus**  
**MALAYSIA**

[www.artexpomalaysia.com](http://www.artexpomalaysia.com)



A worker from a private company fogging a neighbourhood in Selangor. This is a common sight as Selangor is experiencing an increased number of dengue cases. — filepic



Indiscriminately dumped rubbish often becomes breeding grounds for Aedes mosquitoes. Dr Daroyah said residents should clean up their surroundings to eradicate potential breeding sites. — filepic



A signboard advising the public to beware of dengue. — filepic

## Disturbing rise in numbers

Over half of reported dengue cases in the country this year recorded in Selangor

By EDWARD RAJENDRA  
edward@thestar.com.my

HOSPITALS in Selangor continue to see the relentless climb in dengue cases, with 59 deaths recorded from Jan 1 to Oct 7.

With 39,033 confirmed cases as of Saturday last week the Selangor Health Department and various other authorities are worried more will be affected by the mosquito-borne disease due to the sudden rainy spell combined with warm weather.

Based on the Health Ministry's statistics on dengue cases in Selangor, the state recorded an estimated 130 cases daily, or more than 900 cases a week.

The figure is also alarming as it made up more than half of the 74,641 confirmed cases reported nationwide as of Oct 7.

Number of deaths nationwide stands at 159.

On May 17 this year, *StarMetro* reported that Selangor recorded 18,534 cases from Jan 1 to May 13, with 29 deaths.

Selangor health officials are worried more people will be affected due to the disturbing pattern.

State Health, Welfare, Women and Family Affairs Committee chairman Dr Daroyah Alwi said out of the nine districts, Hulu Langat recorded 12,012 cases with 28 deaths while Petaling had 11,794 cases and 13 deaths.

"Klang, the third highest with 6,563 cases, recorded five deaths," she said.

As of this week, Petaling was noted to have 11 hotspots and Hulu Langat had nine hotspots.

Dr Daroyah said all local councils in the nine districts have been told to engage the communities to clean up their surroundings to eradicate mosquito breeding sites.

"Aedes mosquitoes breed in discarded containers such as tin cans, containers left in shaded areas and even in dried crumpled leaves that

collect rain water.

"We found defective rain harvester containers fitted in certain housing areas in Klang also being breeding grounds," she said, adding that the intermittent rains worsened the situation.

She urged all local councillors to work with resident associations, the Rukun Tetangga sector and village heads on programmes engaging the people to identify Aedes mosquito breeding areas and clean up the sites.

"Just spend 10 minutes a week to ensure empty containers are not filled with water and become Aedes mosquito breeding sites."

"The initiative, known as Search and Destroy Aedes Rangers (Sedar) programme, uses a community-based participatory approach to identify ways to reduce the incidence of dengue in residential areas," she said.

Dr Daroyah added that health authorities in all nine districts are on alert as certain neighbourhoods have been tagged as hotspot areas.


"Fighting dengue cannot be done by the agencies alone. It is crucial to have community support to stop the chain of dengue transmission."

"Sedar programme aims to promote awareness on the dengue situation and inspire action to prevent dengue," she said.

Classic symptoms of dengue fever are high fever, headache, body ache (both muscle and bone), weakness, vomiting, sore throat, altered taste sensation and a centrifugal maculopapular rash, among others.

Selangor MCA Public Complaints Bureau chief Kelvin Chong Seng Foo said councillors in-charge of neighbourhoods must not shirk from their duties but visit the areas and advise people to clean up their surroundings. He said councillors have been appointed as dengue rangers for their zone.

"Since the councillors have been given that role, more effort must



be put in to visit sites of abandoned buildings, high-rise buildings, commercial areas, residential areas, schools, factories, and government premises to identify breeding grounds," he said.

Chong added that it was a collective effort by homeowners and even cleaning contractors.

"It would be good to conduct fog-

ging in high risk areas like construction sites and back lanes.

"I suggest that local councils go down to schools to ensure there is no stagnant water and stop-corks to toilet cisterns are shut off next week during the one-week Deepavali festive break," he said.

Chong added that most times the mosquito larvae are found in the

cisterns with clean water.

"That is an ideal breeding ground, where it is not flushed out especially when school is closed."

"Dengue is not biased, it gets anyone. It is important that residents cooperate and embrace a proactive approach in spending 10 minutes to clean up their compound," he added.



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**11 OKTOBER 2017 (RABU)**

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Pusat konvensyen : Penduduk lapor SPRM
Muka Surat	09

## Pusat konvensyen: Penduduk lapor SPRM

um 11/10/17 M 89

**PUTRAJAYA 10 Okt.** – Persatuan Penduduk Taman Melawati Zon A, B dan C hari ini meminta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyiasat pembinaan sebuah pusat konvensyen di kawasan perumahan mereka.

Pengerusinya, Razman Hakimi Abdullah berkata, campur tangan SPRM amat diperlukan kerana Kerajaan PKR Selangor didakwa menukar status tanah yang sepatutnya dibina taman rekreasi untuk kegunaan penduduk.

Menurutnya, langkah itu juga diambil bagi membolehkan SPRM menjalankan siasatan terhadap projek tersebut kerana beberapa justifikasi meragukan antaranya pelan asal pada 2014 meluluskan pembangunan taman rekreasi namun diganti dengan projek lain.

"Jawatankuasa persatuan penduduk juga sebulat suara mahu siasatan terperinci dijalankan selepas rundingan demi rundingan



RAZMAN HAKIMI ketika membuat laporan di Ibu pejabat SPRM Putrajaya, semalam. - UTUSAN/ZAKI AMIRUDDIN

tidak menyebalih dan memberi sebarang keadilan kepada penduduk.

"Persoalan timbul apabila da-

lam tempoh singkat diganti dengan sebuah projek mega bagi membina pusat konvensyen bernilai RM27 juta dan bagaimana

projek sebesar itu boleh melepas semua proses kelulusan dengan mudah," katanya kepada pemberita selepas membuat laporan kepada SPRM di sini hari ini.

Menurut Razman Hakimi, pelaksanaan projek yang bakal diadakan majlis pecah tanah pada Disember ini mengundang pelbagai bantahan terutama berhubung janji pemaju untuk mengekalkan kawasan hijau dengan taman rekreasi gagal ditunaikan.

"Diharap siasatan SPRM nanti dapat dilakukan secara menyeluruh melibatkan semua pihak termasuk kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan (PBT) serta pemaju secara adil bagi kesejahteraan penduduk.

"Perkara ini tidak sepatutnya berlaku kerana kerajaan negeri sebelum ini menerusi Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menjanjikan kawasan itu untuk dijadikan taman rekreasi dan ia turut dirizabkan sebagai tanah kemudahan awam," katanya.